

# Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor

Sarimah Mokhtar (Pengarang Penghubung)

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tawau, 91009, Tawau Sabah, Malaysia

Tel: +601-98929037 E-mel: umimursyid@yahoo.com

Mohd Kashfi Mohd Jailani

Jabatan Sains, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tawau, 91009, Tawau Sabah, Malaysia

Tel: +6019-8929095 E-mel: kashfi2011@gmail.com

Ab. Halim Tamuri

Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +603-89216784 E-mel: tamuri67@gmail.com

Kamarulzaman Abdul Ghani

Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +603-89216784 E-mel: qamar68@ukm.my

## Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti profil penghayatan akhlak Islam pelajar sekolah menengah di Selangor dari aspek jantina, lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dan kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Teknik / Vokasional (SMT/V). Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan antaranya. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif ke atas 665 pelajar sekolah menengah di Selangor dengan menggunakan soal selidik 'Amalan Penghayatan Akhlak Islam' (IMAP) pelajar Sekolah Menengah yang telah dibina sendiri oleh pengkaji dengan persetujuan sepuluh orang pakar. Di dalam kajian ini, statistik deskriptif dalam bentuk skor min digunakan. Bagi profil jantina menunjukkan pelajar perempuan dominan dalam ketiga-tiga domain iaitu domain sifat peribadi, domain amalan sosial dan domain amalan agama. Domain antara lokasi

sekolah pula menunjukkan kumpulan pelajar dari bandar lebih baik penghayatan akhlak Islam dari pelajar luar bandar. Kedudukan kategori sekolah yang lebih tinggi dari segi penghayatan Akhlak Islam mengikut susunan bermula dari kategori sekolah SMKA, SBP, SABK, SMK dan SMT/V dalam dapatan kajian pengkaji terhadap kesemua domain penghayatan akhlak Islam. Implikasi kajian ini menunjukkan guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap penghayatan akhlak Islam yang berbeza bagi setiap individu pelajar. Guru seharusnya memberi perhatian serius untuk memaksimumkan penghayatan akhlak Islam pelajar bagi semua kategori sekolah.

**Katakunci:** Penghayatan akhlak; Skor min; Jantina; Lokasi; Kategori; Sekolah

## Abstract

This study aims to identify the profiles of Islamic ethics application among Malaysian secondary school students from the aspects of gender, school location (urban and rural

areas) and category of school (SMK, SMKA, SBP, SABK, SMT/V) as well as to identify the similarities and differences among the students. This quantitative study is conducted on 665 secondary school students in Malaysia using the questionnaire 'Islamic Morals Appreciation of Practice' for school students (IMAP), constructed by the researchers with the agreement of ten experts. In this research the statistical description has been analysed using the mean score. Concerning gender profile, the female students prevail in all three domains, namely personal characteristics domain, the domain of social practices and religious domains. Concerning domains of the IMAP which are based on the location, the findings shows that the group of students from the city has better appreciation of Islamic morality compared to rural students. The highest rating of schools in terms of appreciation of the Islamic Morals in the order of starting from SMKA, followed by SBP, SABK and SMT/V in the findings of researchers on the appreciation of all the domain of Islamic morality. The implications of this study showed teachers and school administrators need to be sensitive to a different appreciation for the Islamic character of every student. Teachers should give serious attention to maximize the students' appreciation of Islamic morality for all categories of schools.

**Keywords:** Appreciation of probation; Mean score; Gender; School; Location; Category

## Pengenalan

Al-Quran merupakan sumber asas dalam Pendidikan Islam sebagaimana terkandung dalam wahyu pertama merupakan perintah yang berhubung dengan pendidikan melalui kalimah '*Iqra*' yang bermaksud "*bacalah..*" (Al-Quran 30:1). Perkataan "*bacaan*" diterjemahkan sebagai pintu kepada ilmu dan alat terpenting kepada pengajaran dan pendidikan. Pendidikan dan Islam saling berkaitan serta tidak dapat dipisahkan bagi membentuk sahsiah dan peribadi manusia selaras dengan pendidikan yang dipelopori

oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana hadith yang membawa mesej bahawa Baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Abdullah, 1995). Kelangsungan pendidikan Islam telah bermula sejak 8000 tahun sebelum Masihi iaitu sezaman wujudnya Nabi Allah Adam a.s. Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula sejak abad ke-15 se-Era dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka, rentetan dari sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang telah dibawa dan disebarkan oleh saudagar-saudagar dari Arab dan Parsi. Pertumbuhan dan perkembangan sistem pendidikan Islam di negara ini masih baru iaitu sekitar usia 40 tahun yang bertitik tolak dari Laporan Rahman Talib 1960an. (Ghazali, 2001).

Kurikulum pendidikan Islam yang dirangka sejak dari zaman awal kedatangan Islam hingga kini adalah bertujuan untuk pembentukan akidah, pembinaan akhlak, pelaksanaan ibadah, kepatuhan kepada syariat serta penguasaan Al-Quran dan bahasa Arab (Abdullah, 1995). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya tahun 1999 "The concept of education in Islam" menyatakan melalui "Konvensyen Pendidikan Muslim Sedunia 1" yang diadakan di Mekah pada 31 Mac hingga 8 April 1977M (1398H), memutuskan betapa pentingnya diwujudkan sistem pembelajaran berasaskan konsep pendidikan Islam yang lengkap. Ia menegaskan bahawa sistem Pendidikan Islam perlu diasaskan kepada konsep "religion" (din), "man" (insan), "knowledge" ('ilmu dan makrifah), "wisdom" (hikmah), "justice" ('adil), "right action" (amal dan adab) dan "university" (kuliah/ universiti). Pendidikan Islam mewarisi asas pendidikan yang dibawa oleh Nabi s.a.w bertujuan untuk menyedarkan manusia supaya berperanan sebagai khalifatullah. Proses pendidikan dalam Islam hakikatnya menekankan konsep "ta'dib"(pembentukan peribadi, sikap dan sahsiah). Dalam konteks masa kini, guru pendidikan Islam khususnya, berperanan menampilkan ciri-ciri keperibadian dan menterjemahkan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas sebagai memenuhi

konsep lima MIM iaitu *mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan mu'allim*. (Ab. Halim dan Mohd Yusoff, 2010).

Jelasnya, pendidikan Islam telah sampai dan digunapakai dalam sistem pendidikan di Malaysia sehingga kini, walaupun masih boleh dikatakan berada pada tahap separa matang. Namun usaha berterusan harus dibuat untuk memastikan pendidikan Islam terus dimartabat dan dijadikan tunjang dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini selaras dengan pernyataan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mensasarkan matlamat pendidikan yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan akhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Maka sudah sampai masanya kerajaan mengutamakan pembangunan modal insan berbanding dengan pembangunan material dan infrastruktur dalam merencana pembangunan negara untuk masa hadapan. Generasi berakhlak mulia akan bertanggungjawab untuk mentadbir urusan negara bagi masa hadapan. Guru harus lebih peka dan menjadi model terbaik kepada pelajar dari segi penghayatan akhlak untuk dicontohi oleh pelajar. Berdasarkan hasil kajian ini, pelajar sekolah menengah yang sedang meningkat remaja ini perlu diberi perhatian untuk meningkatkan penguasaan penghayatan akhlak mereka melalui aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berkesan dengan mereka.

Kajian-kajian pendidikan sentiasa menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan di negara ini yang menyentuh berkaitan dengan isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Sistem pendidikan di negara ini lebih menjurus kepada pembangunan luaran sahaja, berbanding dengan kekurangan dalam aspek pembinaan kerohanian. Oleh itu, perlu

difikirkan satu mekanisme bagaimana untuk membangunkan kembali aspek kerohanian dalam pembinaan diri individu pelajar selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1986) dan juga memenuhi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Teras 5 iaitu membangunkan modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni, bersikap positif walaupun pada tahap yang sederhana, namun ia telah dapat memberi sumbangan di arena pendidikan dan pembangunan insan serta membina disiplin diri di kalangan pelajar. Amat bertepatan sekali dikatakan aspek tersebut amat penting untuk diambil perhatian dan tindakan segera.

Banyak kajian lepas yang menyentuh tentang Pendidikan Islam di Malaysia yang rata-rata melaporkan bahawa kelemahan penghayatan Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar Islam perlu diperbaiki melalui mata pelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam dan peranan guru sebagai pendidik ilmu dan akhlak pelajar (role model). Kesediaan guru merupakan faktor kritikal yang menentukan kejayaan sesuatu program pendidikan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kajian tentang pengetahuan dan sikap guru-guru terhadap peningkatan penghayatan akhlak dijalankan. Ini adalah penting kerana pengetahuan dan sikap seseorang guru mempengaruhi amalan aktiviti di sekolah. Di samping itu, tinjauan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan penghayatan akhlak kepada pelajar sekolah perlu diadakan.

Secara keseluruhannya, kajian ini berlandaskan teori Al-Ghazali (1982) dalam *Ihya'Ulumu-al din "Revival of Religious Science"*, (1939) bahawa asas pendidikan terdiri dari empat ciri yang perlu ada iaitu Qalb (Heart), Ruh ( Spirit), Nafs (Soul), dan 'Aql (Intellect). Banyak pakar-pakar pendidik seperti al-Ghazali, Ibnu Shahnum, Ibnu Khaldun, al-Qabsi, Atan Long dan Hassan Langgulung juga telah menggunakan teori ini dalam memberi idea tentang Pendidikan Islam. Kajian ini juga menggunakan Teori Permodelan Bandura dalam Social Learning Theory, 1977.

Bandura dan Walters menggunakan sekumpulan kanak-kanak tadika (berumur 3-6 tahun) untuk menjalankan kajian mereka pada tahun 1963, dan berjaya membuktikan bahawa kanak-kanak keseluruhannya meniru model yang ditonton dengan gaya yang agresif. Beliau merumuskan bahawa pelbagai tingkahlaku sosial seperti keagresifan, persaingan, peniruan model dan sebagainya adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditonjolkan oleh orang lain. Tidak dinafikan lagi melalui Teori Permodelan Bandura ini sangat sesuai dalam menterjemahkan peranan guru sebagai pendidik dan *role model* (contoh tauladan) kepada pelajar. Secara literalnya, akhlak merupakan suatu keadaan yang tetap dalam diri dan jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau peri laku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran al-Ghazali r.a.. Manakala penghayatan akhlak pelajar pula merujuk kepada sifat dan tingkah laku yang bersesuaian dengan nilai-nilai baik, perintah, larangan, galakan dan tegahan berkaitan dengan akhlak, adab dan tingkah laku orang-orang beriman seperti yang digariskan dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W yang diamalkan sesuai dalam semua peringkat kehidupan manusia. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membuat analisis Amalan Penghayatan Akhlak Islam pelajar sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan teori al-Ghazali (1982) yang menggariskan tiga domain utama iaitu sifat peribadi pelajar, amalan sosial dan agama.

## Metodologi

Pengumpulan Data & Persampelan Responden Reka bentuk kajian melibatkan pendekatan kuantitatif yang melibatkan pengutipan data menggunakan instrumen Amalan Penghayatan Akhlak Islam Pelajar yang dibina sendiri oleh pengkaji dengan persetujuan sepuluh orang pakar terdiri dari dua orang guru pakar Pendidikan Islam, seorang pensyarah Institut Pendidikan Guru, seorang pakar pendidikan Islam dari Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, dua orang pakar dari Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia dan

empat orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), seorang dari UM, dua orang dari UTM dan seorang dari UPSI. Setiap sampel diminta membaca arahan sebelum menjawab soal selidik dan menjawab secara persendirian mengikut pendapat masing-masing tanpa bantuan pelajar lain menggunakan soalan soal selidik yang diedarkan. Soal selidik Amalan Penghayatan Akhlak Islam pelajar ini terdiri daripada tiga domain iaitu sifat peribadi, domain amalan sosial dan domain amalan agama. Skala Likert lima pilihan digunakan dalam bagi para pelajar menyatakan darjah persetujuan terhadap setiap item yang dikemukakan. Dalam bahagian 1, pelajar diminta menyatakan darjah persetujuan mereka terhadap item yang dikemukakan sama ada Sangat Setuju (5), Setuju (4), Kurang Setuju (3), Tidak Setuju (2) atau Sangat Tidak Setuju (1). Soal selidik yang telah dijawab dikumpulkan serta disemak terlebih dahulu bagi memastikan sampel mengikut arahan yang betul dan memberikan jawapan yang lengkap sebelum data dianalisis. Bagi tujuan penulisan kajian ini data dari sampel hanya diambil dari Bahagian C berbentuk persepsi yang mengandungi 92 soalan persepsi berbentuk skala likert yang mengandungi tiga domain amalan penghayatan akhlak Islam pelajar iaitu sifat peribadi terdiri dari item C1 hingga C32 (32 item), domain amalan sosial terdiri dari item C33 hingga C65(32 item) dan domain amalan agama terdiri dari item C66 hingga C92 (26 item).

## Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 665 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah rendah Kementerian Pelajaran Malaysia di Selangor dari lima kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Teknik / Vokasional (SMT/V). Sampel kajian dipilih secara rawak berserata sebagai teknik persampelan dalam kajian ini dalam keadaan populasi yang tidak seragam

## Dapatan Kajian & Perbincangan

### Demografi Sampel Kajian

Jadual 1 menunjukkan demografi sampel kajian dari segi jantina, lokasi sekolah dan kategori sekolah. Jumlah sampel lelaki ialah 258(39.0)% dan perempuan 404 (61.0)%. Jumlah pelajar di lokasi bandar ialah 186 (28.1)%, manakala jumlah pelajar di luar bandar ialah 476(71.9)%. Jumlah pelajar dari segi kategori sekolah pula terdiri daripada SMK ialah 175(26.4)%, SMKA ialah 106 (16.0)%, SBP ialah 109 (16.5)%, SABK ialah 152 (23.0)% dan SMT/V ialah 120 (18.1)%.

Jadual 1: Demografi Sampel Kajian

| Faktor Demografi | N   | Faktor      | Frekuensi | Peratus % |
|------------------|-----|-------------|-----------|-----------|
| Jantina          | 662 | Lelaki      | 258       | 39.0      |
|                  |     | Perempuan   | 404       | 61.0      |
| Lokasi           | 662 | Bandar      | 186       | 28.1      |
|                  |     | Luar Bandar | 476       | 71.9      |
| Jenis Sekolah    | 662 | SMK         | 175       | 26.4      |
|                  |     | SMKA        | 106       | 16.0      |
|                  |     | SBP         | 109       | 16.5      |
|                  |     | SABK        | 152       | 23.0      |
|                  |     | SMT/V       | 120       | 18.1      |

Perbezaan Bagi Setiap Domain Amalan Penghayatan Akhlak Pelajar dengan Jantina

Jadual 2 menunjukkan Amalan Penghayatan akhlak bagi pelajar lelaki untuk ketiga-tiga domain iaitu sifat peribadi, amalan sosial dan amalan agama. Skor min paling tinggi adalah domain amalan agama (321.50) diikuti dengan domain sifat peribadi (315.53), dan terakhir domain amalan sosial (307.49). Manakala, bagi pelajar perempuan Skor min paling tinggi adalah domain amalan sosial (344.39), diikuti dengan domain sifat peribadi (340.11), dan terakhir domain amalan agama (337.88). Profil ini selari dengan kajian Azhar (2006; 2010) dan Asmawati (2009). Jika dibandingkan di antara pelajar lelaki dan perempuan, pelajar perempuan lebih tinggi skor min dalam ketiga-tiga domain amalan penghayatan akhlak domain iaitu sifat peribadi, amalan sosial dan amalan

agama, berbanding dari pelajar lelaki. Dapatan ini selari dengan kajian Azhar, 2006 yang telah dilakukan kepada pelajar sekolah menengah di Sarawak menunjukkan pelajar perempuan tinggi skor min dalam ketiga-tiga domain yang diuji.

Jadual 2: Amalan Penghayatan Akhlak Pelajar Berdasarkan Jantina

| Domain Penghayatan Akhlak Islam | Min    |           |
|---------------------------------|--------|-----------|
|                                 | Lelaki | Perempuan |
| Sifat Peribadi                  | 315.53 | 340.11    |
| Amalan Sosial                   | 307.49 | 344.39    |
| Amalan Agama                    | 321.50 | 337.88    |

Perbezaan Bagi Setiap Amalan Penghayatan Akhlak dengan Lokasi Sekolah

Jadual 3 menunjukkan Amalan Penghayatan akhlak bagi pelajar bandar lebih tinggi daripada pelajar luar bandar. Skor min paling tinggi bagi pelajar di bandar adalah domain amalan agama (349.26), diikuti dengan domain amalan sosial (344.48), domain sifat peribadi (339.44). Bagi pelajar luar bandar pula, Skor min paling tinggi adalah domain sifat peribadi (327.02), diikuti dengan domain amalan agama (324.56), dan terakhir domain amalan sosial (324.35). Profil ini selari dengan kajian Azhar (2006, 2010). Jika dibandingkan di antara pelajar di bandar dan luar bandar, pelajar di bandar lebih tinggi dalam semua domain penghayatan akhlak berbanding dengan pelajar luar bandar. Dapatan ini selari dengan kajian Azhar (2010) menunjukkan bahawa pelajar di bandar lebih tinggi penghayatan akhlak daripada pelajar di luar bandar.

Jadual 3: Amalan Penghayatan Akhlak pelajar berdasarkan lokasi sekolah

|                | Min    |             |
|----------------|--------|-------------|
|                | Bandar | Luar Bandar |
| Sifat Peribadi | 339.44 | 327.02      |
| Amalan Sosial  | 344.48 | 324.35      |
| Amalan Agama   | 349.26 | 324.56      |

Perbezaan Bagi Setiap Domain Penghayatan Akhlak dengan Semua Jenis sekolah

Jadual 4 menunjukkan Amalan Penghayatan pelajar bagi pelajar sekolah menengah untuk lima kategori sekolah menengah di Malaysia di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu SMKA, SBP, SABK, SMK dan SMT/V. Berdasarkan Jadual 4, kedudukan Skor min paling tinggi bagi domain dalam penghayatan akhlak Islam ialah sifat peribadi adalah bagi pelajar SMKA (385.62), diikuti dengan SBP (348.78), SABK (330.71), SMK (321.51) dan min yang terendah SMT/V (278.09). Bagi domain amalan sosial skor min paling tinggi adalah pelajar SMKA (401.11), diikuti oleh pelajar dari SBP (358.45), SMK (317.54), SABK (309.62) dan yang terendah SMT/V (285.45). Bagi domain amalan agama pula, skor min paling tinggi adalah pelajar dari sekolah SMKA (379.83), diikuti oleh pelajar SBP (377.37), SABK (348.88), SMK (306.29), dan yang terendah SMT/V (261.90).

Jadual 4: Perbezaan Bagi Setiap Domain Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah

|                |       | Min    | Kedudukan |
|----------------|-------|--------|-----------|
| Sifat Peribadi | SMK   | 321.51 | 4         |
|                | SMKA  | 385.62 | 1         |
|                | SBP   | 348.78 | 2         |
|                | SABK  | 330.71 | 3         |
|                | SMT/V | 278.09 | 5         |
| Amalan Sosial  | SMK   | 317.54 | 3         |
|                | SMKA  | 401.11 | 1         |
|                | SBP   | 358.45 | 2         |
|                | SABK  | 309.62 | 4         |
|                | SMT/V | 285.45 | 5         |
| Amalan Agama   | SMK   | 306.29 | 4         |
|                | SMKA  | 379.83 | 1         |
|                | SBP   | 377.37 | 2         |
|                | SABK  | 348.88 | 3         |
|                | SMT/V | 261.90 | 5         |

Dapatan yang diperolehi dari kajian ini mempunyai beberapa inti penting kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam pendidikan pelajar. Min skor keseluruhan domain penghayatan akhlak berada pada tahap sederhana tinggi. Pelajar SMKA memperoleh min skor tertinggi dalam ketiga-tiga domain penghayatan akhlak pelajar iaitu domain sifat peribadi, manakala domain amalan sosial mempunyai skor min terendah. Secara

amnya penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah berada pada tahap baik. Beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam semua aktiviti di sekolah bagi memastikan pelajar menguasai penghayatan akhlak pada tahap cemerlang. Namun begitu domain-domain penghayatan akhlak perlu diperkukuhkan lagi dengan mengambil faktor persekitaran. Faktor persekitaran ini termasuklah teknik pengajaran guru, bahan bantu mengajar, motivasi oleh guru dan galakan keluarga. Faktor persekitaran ini perlu ditekankan bagi memastikan pelajar lebih meningkat penghayatan akhlak dan seterusnya membolehkan mereka untuk lebih cemerlang dalam pencapaian mereka, bukan sahaja dari aspek akademik, malah cemerlang penghayatan akhlak dalam aspek kehidupan harian. Peranan guru dalam memotivasikan pelajar supaya meningkatkan penghayatan akhlak juga adalah penting. Guru-guru seharusnya menggunakan teknik pengajaran yang menggabungkan kesemua domain keperibadian, amalan agama dan amalan sosial supaya pelajar dapat meningkatkan penghayatan akhlak diri mereka dan seterusnya dapat mempraktikkan ketika mereka bertugas sebagai pekerja di berbagai agensi kelak. Di samping itu juga, guru-guru seharusnya lebih prihatin terhadap permasalahan pelajar semasa mereka sedang mengikuti aktiviti-aktiviti di sekolah. Guru harus lebih peka dan menjadi model terbaik kepada pelajar dari segi penghayatan akhlak untuk dicontohi oleh pelajar. Berdasarkan hasil kajian ini, pelajar sekolah menengah yang sedang meningkat remaja ini perlu diberi perhatian untuk meningkatkan penguasaan penghayatan akhlak mereka melalui aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berkesan dengan mereka.

Kajian ini merupakan satu usaha mengenalpasti profil penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Akan tetapi, kajian ini dibatasi oleh beberapa aspek. Kajian lanjutan perlu dijalankan untuk memperoleh dapatan yang lebih komprehensif. Sampel dalam kajian ini adalah terbatas kepada 665 orang pelajar sekolah menengah pelbagai kategori di Selangor. Hasil kajian ini tidak sesuai digeneralisasikan kepada keseluruhan

populasi pelajar sekolah menengah di Malaysia. Walau bagaimanapun ia boleh dijadikan panduan untuk sekolah menengah yang lain kerana struktur yang sama antara sekolah ini. Adalah diharapkan kajian selanjutnya dapat dibuat terhadap kumpulan subjek kajian lain. Golongan subjek kajian boleh terdiri daripada pelajar sekolah menengah di negeri yang lain dan melibatkan sampel yang lebih besar. Kajian ini boleh diperluaskan untuk merangkumi faktor-faktor lain seperti bangsa, aliran pengajian, tahap sosio ekonomi pelajar atau tahap pendidikan ibu bapa pelajar. Faktor-faktor berkenaan mungkin mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Kajian sebegini dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah.

## KESIMPULAN

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji mendapati pelajar perempuan mendominasi kebanyakan penghayatan akhlak. Dapatan juga jelas menunjukkan pelajar dari SMKA dan SBP berada pada skor tertinggi berbanding dengan kategori sekolah yang lain, iaitu SABK, SMK dan SMT/V. Oleh itu, usaha perlu dibuat bagi meningkatkan penghayatan akhlak pelajar lelaki supaya setara dengan pelajar perempuan. Pihak sekolah harus memikirkan apakah proses pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti terbaik yang perlu diberikan kepada pelajar mereka bagi memastikan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah dapat ditingkatkan ke tahap optimum bagi memastikan pekerja dan warganegara Malaysia yang berkesan dapat dilahirkan. Kesediaan guru merupakan faktor kritikal yang menentukan kejayaan sesuatu program pendidikan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kajian tentang pengetahuan dan sikap guru-guru terhadap peningkatan penghayatan akhlak dijalankan. Ini adalah penting kerana pengetahuan dan sikap seseorang guru mempengaruhi amalan aktiviti di sekolah. Di samping itu, tinjauan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan penghayatan akhlak

kepada pelajar sekolah perlu diadakan.

## Rujukan

Al-Quran

Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.

Ab.Halim Tamuri & Yusoff, N. M. (2010). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Ab. Halim Tamuri dan Mohd Yusoff Zulkifly. (2007). A Study on Malaysian Secondary Students' Perceptions on the Teaching of Akhlaq. *Journal Muslim Education Quarterly*, 23(3&4):16-32.

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1982). *Ihya' 'ulum al-din*. Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon.

Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.

Azhar Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.

Azhar Hj Ahmad. (2010). Strategi Pembelajaran Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak. PROFES Publication, Sarawak, Malaysia.

Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., Kuala Lumpur. Malaysia.

